



**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
BIL. 3/2009**

Pentadbir Tanah Daerah

Seremban
Port Dickson
Tampin
Kuala Pilah
Rembau
Jelebu
Jempol

Timbalan Pentadbir Tanah
Daerah Kecil Gemas

**FORMAT BARU PENYEDIAAN KERTAS RISALAT MAJLIS
MESYUARAT KERAJAAN, NEGERI SEMBILAN UNTUK
PERTIMBANGAN PIHAK BERKUASA NEGERI**

1. TUJUAN

- 1.1 Arahan ini dikeluarkan sebagai panduan kepada Pentadbir-Pentadbir Tanah berhubung format baru penyediaan Kertas Risalat Majlis Mesyuarat Kerajaan, Negeri Sembilan untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri.

2. **LATAR BELAKANG**

2.1 Pentadbiran Tanah Negeri Sembilan mengguna pakai format yang seragam bagi penyediaan Kertas Risalat Majlis Mesyuarat Kerajaan, Negeri Sembilan untuk diangkat kepada pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri. Antara lain, Kertas Risalat tersebut mengandungi perkara-perkara berikut:

- 2.1.1 Tujuan permohonan;
- 2.1.2 Latar belakang
- 2.1.3 Butir-butir pemohon;
- 2.1.4 Ulasan Jabatan Teknikal;
- 2.1.5 Syor Jawatankuasa Tanah Daerah (JKTD); dan
- 2.1.6 Huraian dan syor Pentadbir Tanah.

2.2 Walau bagaimanapun, setelah diperhalusi, beberapa perubahan format perlu dibuat bagi memperkemas dan memantapkan kandungan Kertas Risalat tersebut sebelum dibentangkan kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk pertimbangan dan keputusan.

3. **PELAKSANAAN**

3.1 Jawatankuasa Tanah Daerah (JKTD) adalah merupakan suatu badan tertinggi berkaitan urusan tanah di peringkat daerah. Badan ini dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri dan bertanggungjawab terus kepada Pihak Berkuasa Negeri bagi hal-hal berkaitan tanah di peringkat daerah.

3.2 Bagi memperkemas dan memantapkan lagi kandungan Kertas Risalat Majlis Mesyuarat Kerajaan, Negeri Sembilan, pihak tuan adalah dinasihatkan supaya penyediaan Kertas Risalat tersebut adalah selaras dengan keputusan JKTD sebagai badan tertinggi pentadbiran tanah di peringkat daerah.

3.3 Bagi tujuan di atas, pihak tuan perlu memastikan bahawa sebelum sebarang permohonan dibentangkan dalam mesyuarat JKTD, maklumat yang tepat dan mencukupi perlu dimasukkan dalam Kertas Kerja bagi membolehkan syor yang terbaik diputuskan di peringkat JKTD. Selain daripada

perkara-perkara yang disenaraikan di para 2.1.1 hingga 2.1.4 di atas, pihak tuan juga perlu menyenaraikan maklumat pemilikan tanah pemohon dan isteri dalam Kertas Kerja yang diangkat ke JKTD. Ulasan Jabatan Teknikal dan maklumat pemilikan tanah akan membantu JKTD membuat pengesyoran yang terbaik untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri.

3.4 Dalam format baru Kertas Risalat Majlis Mesyuarat Kerajaan, Negeri Sembilan, syor daripada Pentadbir Tanah tidak lagi dimasukkan sebagai 'Syor Pentadbir Tanah' dalam Kertas Risalat tersebut. Pihak tuan boleh mengemukakan ulasan dan pandangan serta syor berhubung permohonan tanah tersebut dalam 'Huraian Pentadbir Tanah'. Pihak tuan dinasihatkan agar memastikan bahawa huraian tersebut adalah sepertimana yang terkandung dalam 'Huraian Pentadbir Tanah' dan 'Syor Pentadbir Tanah' dalam Kertas Kerja JKTD. Perakuan JKTD pula akan dimasukkan dalam Kertas Risalat bagi menggantikan syor Pentadbir Tanah.

3.5 Format baru Kertas Risalat adalah seperti di Lampiran 1.

4. **TARIKH KUATKUASA**

4.1 Arahan ini berkuatkuasa serta merta. Pentadbir Tanah dan hendaklah memastikan bahawa pelaksanaan arahan ini dipatuhi sepenuhnya.

(DATO' ZAFFARUDIN BIN SHARIF)

Pengarah Tanah dan Galian
Negeri Sembilan Darul Khusus.

Tarikh : Mac 2009
Rujukan : ()dlm. PTG.NS 10/17

s.k. Setiausaha Sulit Kepada Y.A.B Menteri Besar Negeri Sembilan

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Sembilan :

YB. Dato' Haji Ismail bin Lasim, DSNS., ANS., PMC.

YB. Tuan Siow Chen Pin, PMC., PJK.

YB. Tuan V.S.Mogan, AMN., PJK.

YB. Datuk Haji Hasim bin Rusdi, DMSM., PPT., JP., ANS., AMN., PMC., PJK.

YB. Puan Zainab binti Nasir, DNS., ANS., PMC.

YB. Tuan Abd. Samad bin Ibrahim, DNS., JP., PMC., PJK.

YB. Dato' Yunus bin Rahmat, DSNS., DMSM., JP., KMN., PJK.

YB. Dato' Ismail bin Taib, DSNS., JP., PMC., PJK.

YB. Dato' Haji Mohammad Razi bin Haji Kail, DSNS.

YB. Tuan Shamsulkahar bin Mohd. Deli, PMC., PJK.

YB. Setiausaha Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan

YB. Penasihat Undang-Undang Negeri, Negeri Sembilan

YB. Pegawai Kewangan Negeri, Negeri Sembilan

Edaran Dalaman

Timbalan Pengarah (Pg)

Timbalan Pengarah (Pd)

Penolong Pengarah (P/HM)

Penolong Pengarah (HM/S)

Penolong Pengarah (H)

Penolong Pengarah (P)

Penolong Pengarah (PT)

Penolong Pengarah (TM)

Penolong Pengarah (U)

**FORMAT KERTAS RISALAT, MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN,
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

TAJUK PERMOHONAN	
1.	Tujuan Permohonan (Format sedia ada dikekalkan)
2.	Latar Belakang (Format sedia ada dikekalkan)
3.	Butir-Butir Pemohon (Format sedia ada dikekalkan)
4.	Ulasan Jabatan Teknikal (Format sedia ada dikekalkan)
5.	Maklumat Pemilikan Tanah Pemohon dan Isteri (Pentadbir Tanah perlu menyertakan maklumat pemilikan tanah pemohon dan isteri dalam Kertas Kerja JKTD dan Kertas Risalat, MMKNS.)
6.	Huraian Pentadbir Tanah (Pentadbir Tanah boleh mengemukakan apa-apa ulasan dan pandangan serta syor berhubung permohonan dalam para ini. Pentadbir Tanah juga perlu memastikan bahawa huraian yang dikemukakan adalah sepertimana <u>huraian dan syor yang terkandung dalam Kertas Kerja yang dibentangkan dalam mesyuarat di peringkat JKTD</u>).
7.	Perakuan JKTD (Perakuan JKTD sepertimana yang diputuskan dalam mesyuarat JKTD)
8.	Huraian Pengarah Tanah dan Galian, Negeri Sembilan (Format sedia ada dikekalkan)
9.	Syor Pengarah Tanah dan Galian, Negeri Sembilan (Format sedia ada dikekalkan)
10.	Keputusan (Format sedia ada dikekalkan)